

ANALISIS TEMATIK FATWA NEGERI JOHOR DARI TAHUN 1921-1939

Muaz Muhammad Arif¹, Mohammad Naqib Hamdan², Aminudin Hehsan³, Nasiibah Ramli³ & Nur Najwa Hanani Abd Rahman³

¹ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
(muaz@graduate.utm.my)

² Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
(mohammadnaqib@utm.my)

³ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
(ahehsan@utm.my)

⁴ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
(nasiibah@utm.my)

⁵ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
(nurnajwahanani@utm.my)

Abstrak

Amalan meminta fatwa oleh orang Islam telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan istilah yang digunakan oleh para ulama adalah istifta'. Fatwa yang diputuskan oleh para mufti meliputi pelbagai bidang melibatkan seperti ibadah, muamalah, munakahat dan jinayat, termasuklah isu semasa seperti perubatan dan politik. Di negeri Johor, rekod dan himpunan fatwa Mufti Johor juga boleh diakses seawal tahun 1920an dan ia dipelihara dengan baik di Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Rekod Jabatan Mufti mengandungi dokumen pertanyaan daripada orang awam dan jawapan mufti serta urusan-urusan pentadbiran yang lain. Namun, fatwa-fatwa ini masih tersimpan dalam bentuk manuskrip tulisan tangan dan ia masih belum ditahkik, dianalisis dan dikaji dengan lebih mendalam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis senarai fatwa Mufti Negeri Johor dari tahun 1921 sehingga tahun 1939 secara tematik. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis kandungan dokumen Jabatan Mufti yang disimpan di dalam Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Analisis dilakukan secara diskriptif. Hasil kajian mendapati kebanyakan permasalahan yang dialami oleh masyarakat dalam tempoh tersebut adalah berkaitan fara'id dan isu-isu kekeluargaan seperti penceraian dan pernikahan. Ia dijangka membuka peluang penyelidikan baharu terhadap fatwa-fatwa Negeri Johor dengan lebih mendalam. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pengkaji ilmu Islam untuk memahami isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang perlu diberi perhatian oleh mufti.

Kata Kunci: Syed Abdul Kadir al-Attas, Syed Alwe al-Hadad, Mufti Johor, Fatwa, Arkib Negara Malaysia.

PENDAHULUAN

Sistem kefatwaan di Johor telah wujud sejak tahun 1896 dan senarai fatwa di negeri Johor telah direkodkan dengan baik oleh Jabatan Mufti Negeri Johor sejak tahun 1921 dan disimpan dengan rapi oleh Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Rekod Jabatan Mufti yang tersimpan

melibatkan pertanyaan kepada mufti, respon balas mufti dan pelbagai urusan pentadbiran lain seperti hal cuti, pelantikan kadhi dan lain-lain (Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor, n.d.). Kajian ini dijalankan untuk menganalisis senarai fatwa-fatwa Mufti Negeri Johor sejak tahun 1921 sehingga 1939 mengikut tahun, mufti, dan bidang.

Sejak tahun 1896, Negeri Johor telah merekodkan seramai 12 orang mufti sehingga kini (Jabatan Mufti Johor, n.d.-c). Kesultanan Johor telah melantik Datuk Syed Salim al-Attas sebagai mufti pertama seawal tahun 1873, iaitu lebih kurang 20 tahun sebelum jawatan mufti dirasmikan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang diperkanunkan pada tahun 1895 (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, n.d.; Noorilham Ismail, 2021).

Institusi Mufti di Johor juga banyak dipengaruhi oleh hubungan antara Kesultanan Johor dan Kerajaan Turki Uthmaniyyah. *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* yang digubal oleh Kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1869 telah dibawa masuk dan diperkenalkan di Johor oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1893. Kitab ini merupakan undang-undang sivil Islam yang diamalkan oleh Kerajaan Uthmaniyyah berpandukan mazhab Hanafi. Ia kemudiannya diterjemahkan oleh Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas, Mufti Ketiga Johor pada tahun 1913 dan dikenali sebagai *Majalah Ahkam Johor* (Noorilham Ismail, 2021; Othman et al., 2021).

Sepanjang 1921 sehingga 1939, Negeri Johor telah melalui dua pentadbiran mufti iaitu Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas yang bermula pada 1904 sehingga 1933 dan Dato' Syed Alwe Tahir al-Hadad yang bermula pada 1934 sehingga 1941. Syed Abdul Kadir dilantik seawal usianya 34 tahun sebagai Timbalan Mufti Johor pada tahun 1901, sebelum memegang jawatan Mufti Johor pada 1904. (Jabatan Mufti Johor, n.d.-a).

Jawatan Mufti Negeri Johor Keempat bertukar tangan kepada Dato' Syed Alwe Tahir al-Hadad yang berkelahiran Qaidoon, Hadramaut. Pada tahun 1934, Syed Alwe berhijrah ke Johor Bahru kerana dilantik menjadi Pemangku Mufti dan melalui tempoh percubaan selama setahun, dan seterusnya dilantik menjadi Mufti Johor secara rasmi pada 1935 sehingga 1941. Kedudukannya yang tidak dapat dikesan oleh Kerajaan Johor selepas beliau melarikan diri ke Batu Pahat akibat ancaman Jepun menyebabkan jawatan mufti berpindah kepada Dato' Haji Hassan, sebelum diserahkan kembali kepada Syed Alwe pada 1948 dan dilantik semula sebagai Mufti Keenam (Jabatan Mufti Johor, n.d.-b).

METODOLOGI

Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis diskriptif kandungan dokumen-dokumen di Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Arkib Negara menyimpan rekod daripada Jabatan Mufti Johor sejak tahun 1921 sehingga 1939. Sebanyak tujuh dokumen dirujuk yang merupakan himpunan senarai fatwa dan urusan pentadbiran oleh Pejabat Mufti Johor bertajuk 'Pejabat: Jabatan Agama Johor (Pejabat Mufti)'. Keseluruhan dokumen tersebut mengandungi 262 muka surat dan 2,600 perkara.

Pengkaji telah menaip seluruh perkara tersebut dan disusun dalam perisian Excel seperti asal. 2,600 perkara tersebut dibahagikan kepada kategori fatwa dan bukan fatwa. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan pula dipecahkan kepada empat tema utama; aqidah, fiqh, akhlak dan al-quran. Tema fiqh dipecahkan lagi kepada lima bidang utama; ibadah, jenayah, jenazah, munakahat dan mu'amalat sebelum dibahagikan pula kepada 58 subbidang berdasarkan pengkelasan kitab dan bab oleh al-Nawawi dalam *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin* dengan sedikit penambahan. Antara penambahan tersebut adalah tema aqidah, akhlak dan alquran serta penambahan pada bab-bab yang lebih kecil seperti isu berkaitan jenazah yang mengandungi perbincangan tentang khairat kematian, menderma organ, isu berkaitan aqidah yang terdiri daripada ajaran sesat, ajaran naqsyabandi dan lain-lain.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dokumen Jabatan Mufti Negeri Johor sepanjang tahun 1921 sehingga 1939, sebanyak 2,600 perkara telah mendapat perhatian oleh Mufti Johor yang terdiri daripada Mufti Ketiga, Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas dan Mufti Keempat, Dato' Syed Alwe Tahir al-Hadad. Daripada jumlah itu, hanya 1,742 merupakan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh kedua-dua mufti. Selainnya merupakan hal-hal pentadbiran Jabatan Mufti seperti pelantikan kadhi, hal-hal mesyuarat, permohonan cuti dan lain-lain urusan. Dalam tempoh tersebut, Syed Abdul Kadir telah memutuskan 668 buah fatwa manakala Syed Alwe telah mengeluarkan sebanyak 1074 buah fatwa.

Kebanyakan soalan *mustafti* pada zaman itu adalah tentang urusan kehidupan seharian berkaitan ibadah, perkahwinan dan penceraian, pengurusan harta pusaka dan fara'id, dan

sebagainya. Kedua-dua mufti ketiga dan keempat pada tempoh ini lebih banyak menjawab soalan-soalan berkaitan mu'amalat (40.3% dan 55.7%) dan ibadah (13.3% dan 10.1%). Bagi bidang Akhlak dan al-Quran, hanya Mufti Ketiga sahaja yang mempunyai soalan tentangnya dan memutuskan tiga fatwa berkaitan topik ini.

Jadual 1: Peratus Perbandingan Fatwa antara 1921-1933 dan 1934-1939 Mengikut Bidang

Tema	Bidang	Mufti Ketiga (1921-1933)		Mufti Keempat (1934-1939)	
		Bilangan Fatwa	Peratus Fatwa	Bilangan Fatwa	Peratus Fatwa
Akhlak	Akhlak	2	0.3%	-	0.0%
Al-Quran	Al-Quran	1	0.1%	-	0.0%
Aqidah	Aqidah	23	3.4%	21	2.0%
Fiqh	Ibadah	89	13.3%	109	10.1%
	Jenayah	22	3.3%	25	2.3%
	Jenazah	41	6.1%	36	3.4%
	Lain-lain	4	0.6%	9	0.8%
	Mu'amalat	272	40.7%	606	56.4%
	Munakahat	200	29.9%	233	21.7%
Lain-lain	Lain-lain	14	2.1%	35	3.3%
Jumlah		668	100.0%	1074	100.0%

Jika dipecahkan kepada setiap lima tahun, persoalan berkaitan isu-isu mu'amalat meningkat daripada 82 buah fatwa pada 1921-1925, 104 buah pada 1926-1930, 315 buah pada 1931-1935 dan kepada 366 buah pada 1936-1939. Jumlah keseluruhan fatwa yang diputuskan juga meningkat dari lima tahun ke lima tahun berikutnya. Peningkatan jumlah *istifta'* dan fatwa yang diputuskan ini menunjukkan peningkatan tahap masyarakat menjadikan mufti sebagai rujukan dan juga menggambarkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat semakin banyak.

Jadual 2: Perbandingan Fatwa Setiap Lima Tahun Mengikut Bidang

Bidang	1921-1925	1926-1930	1931-1935	1936-1939
Akhlak	-	2	-	-
Al-Quran	-	-	1	-
Aqidah	7	8	17	12
Ibadah	29	38	60	71
Jenayah	5	11	21	10
Jenazah	6	22	24	26
Lain-lain	1	11	22	28
Mu'amalat	82	104	315	366
Munakahat	48	90	156	149
Jumlah	178	286	616	662

Apabila dipecahkan kepada subbidang yang lebih kecil, permasalahan berkaitan fara'id meningkat dengan mendadak daripada 48 buah fatwa pada 1921-1925 kepada 301 buah fatwa pada 1936-1939. Isu-isu berkaitan kekeluargaan juga meningkat seperti talak, nikah, nafkah dan nusyuz. Permasalahan berkaitan akhlak, al-Quran, kehakiman dan beberapa isu mu'amalat yang lain kurang menjadi isu dalam kalangan masyarakat.

Hampir semua isu fara'id berkisar tentang masyarakat meminta fatwa daripada mufti berkaitan urusan pembahagian harta pusaka. Bagi isu-isu berkaitan aqidah, walaupun tidak banyak, tetapi penularan ajaran sesat seperti aliran ajaran tertentu atau tarekat seperti naqsyabandi sudah wujud dan menjadi persoalan masyarakat pada zaman itu. Fatwa-fatwa aqidah juga berkaitan kepercayaan tradisi masyarakat pada zaman dahulu, penjelasan tentang ilmu aqidah, dan kebenaran buku-buku aqidah tertentu.

KESIMPULAN

Amalan memberi fatwa dan meminta fatwa yang berlaku dalam kalangan masyarakat negeri Johor menunjukkan kepentingan peranan mufti dalam membantu kehidupan beragama orang awam pada zaman dahulu. Akses maklumat yang terhad pada zaman tersebut seperti kekurangan sumber rujukan buku dan agamawan serta ketiadaan internet menyebabkan masyarakat menjadikan mufti dan pihak autoriti agama sebagai rujukan utama mereka dalam semua aspek kehidupan. Dokumen fatwa yang dipelihara dan dipulihara oleh Arkib Negara

Malaysia merupakan khazanah umat Islam bukan hanya di negeri Johor, bahkan juga bagi seluruh dunia Islam berikutan pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah terhadap Kesultanan. Diharapkan kajian ini dapat membuka ruang kajian yang lebih mendalam terhadap khazanah institusi fatwa di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Universiti Teknologi Malaysia di bawah UTM Fundamental Research (UTMFR) (Q.J130000.3853.22H11).

RUJUKAN

- Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. (n.d.). *Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. <https://search.library.wisc.edu/catalog/999708255102121>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (n.d.). *Sejarah JKSNJ*. Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. Retrieved November 21, 2023, from <https://syariah.johor.gov.my/profil-jabatan/maklumat-jabatan/sejarah/>
- Jabatan Mufti Johor. (n.d.-a). *Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin Al-Attas*. Jabatan Mufti Johor. Retrieved October 11, 2023, from <https://mufti.johor.gov.my/profil/senarai-mufti/dato-syed-abdul-kadir-mohsin-al-attas/>
- Jabatan Mufti Johor. (n.d.-b). *Dato' Syed Alwe Tahir Al-Hadad*. Jabatan Mufti Johor. Retrieved October 11, 2023, from <https://mufti.johor.gov.my/profil/senarai-mufti/dato-syed-alwe-tahir-al-hadad/>
- Jabatan Mufti Johor. (n.d.-c). *Senarai Mufti*. Jabatan Mufti Johor. Retrieved October 10, 2023, from <https://mufti.johor.gov.my/profil/senarai-mufti/>
- Noorilham Ismail. (2021). Peranan Mufti dalam Pentadbiran Ekonomi dan Sosial Negeri Johor, 1885–1941. *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 28, 23–46. <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.1.2>
- Othman, M. H., Rozali, E. A., & Ismail, N. K. (2021). Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19: Majalah Ahkam Johor: Its

Contribution on Islamic Development in Johor in the Late 19th Century. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(2), 1–19. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no2.1>